



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN DI ANTARA PENDEKATAN BERCERITA DAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NOR ALNAIM BINTI HARUN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**HUBUNGAN DI ANTARA PENDEKATAN BER CERITA DAN KEMAHIRAN
BERFIKIR ARAS TINGGI KANAK-KANAK PRA SEKOLAH**

NOR ALNAIM BINTI HARUN



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوپنورسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) Mac (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar:

Saya, **NOR ALNAIM BINTI HARUN, M20161000330, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **HUBUNGAN DI ANTARA PENDEKATAN BERCERITA DAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. ZAHARAH BINTI OSMAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **HUBUNGAN DI ANTARA PENDEKATAN BERCERITA DAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)**.

Tarikh :

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN DI ANTARA PENDEKATAN BERCEKITA DAN KEMAHIRAN
BERFIKIR ARAS TINGGI KANAK-KANAK PRASEKOLAH

No. Matrik / Matric's No.: M20161000330
Saya / I: NOR ALNAIM BINTI HARUN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: _____

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini ingin merakamkan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat di dalam memberikan sokongan dan dorongan terhadap saya untuk menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga kecil saya terutama anak-anak saya yang sangat memahami serta sahabat seperjuangan yang membantu memberikan panduan dan sokongan sepanjang proses pembelajaran saya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Dr Zaharah Bt Osman yang sentiasa membimbing saya dengan sabar dan penuh dedikasi dalam meluangkan masa dan nasihat sepanjang perjuangan saya menyiapkan kajian ini. Terakhirnya, saya ingin memberikan penghargaan kepada pihak KEMAS Kuala Selangor, guru-guru KEMAS serta kanak-kanak prasekolah yang terlibat di dalam kajian ini di atas kerjasama, masa dan peluang yang diberikan untuk saya berkongsi pengalaman dan mengutip data untuk kajian ini. Terima kasih semua.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Tujuan kajian adalah mengkaji hubungan di antara pendekatan bercerita dan kemahiran KBAT kanak-kanak prasekolah. Pendekatan bercerita merupakan satu kaedah pengajaran yang diamalkan bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan khususnya kepada kanak-kanak. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau KBAT pula adalah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan nilai dalam membuat penaaakulan serta refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi serta berkeupayaan untuk menciptakan sesuatu dari bahan yang diterima. Kajian telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melibatkan sesi temu bual berstruktur, sesi pemerhatian serta semakan dokumen. Data kajian yang telah dianalisis secara triangulasi data bertujuan menjawab persoalan dan objektif kajian. Responen kajian melibatkan 4 buah prasekolah KEMAS di daerah Kuala Selangor dan melibatkan 4 orang guru serta kanak-kanak di prasekolah tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan 'score' untuk tahap persediaan perlaksanaan pendekatan bercerita untuk KBAT ialah pada 5-8. Elemen KBAT berdasarkan Taksonami Bloom pula menunjukkan 'score' (5-6) dan menyumbang kepada kejayaan pembinaan kemahiran KBAT sebanyak lebih dari 50% berbanding sebelum sesi pendekatan bercerita dilaksanakan. Kanak-kanak lebih kreatif dan aktif terhadap sesi pembelajaran yang dilaksanakan dan membantu peningkatan tahap penguasaan kemahiran KBAT berbanding sebelum pendekatan dijalankan. Dapatan ini menguatkan kajian terdahulu mengenai keberkesanan pendekatan bercerita di dalam pendidikan. Kesimpulannya, kajian telah membuktikan bahawa pendekatan bercerita mempunyai banyak faedah yang dapat memfasilitasikan kemahiran KBAT dan perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. Penemuan ini juga memberi makna bahawa kaedah bercerita yang dilakukan secara aktif boleh membantu penglibatan kanak-kanak dan mengembangkan pemahaman mereka dengan lebih baik serta memupuk keyakinan diri dan membuka peluang kepada sesi pembelajaran yang berterusan. Kajian ini juga mencadangkan bahawa latihan, sokongan dan bantuan pelbagai pihak diperlukan untuk membolehkan guru prasekolah lebih menguasai pendekatan yang mereka lakukan untuk tujuan pendidikan.



THE RELATIONSHIP BETWEEN STORYTELLING APPROACH AND HIGHER THINKING SKILLS FOR PRESCHOOL CHILDREN

ABSTRACT

The purpose of the study is to examine the relationship between storytelling approach and HOTS (Higher Order Thinking Skills) skills of preschool children. Storytelling approach is a teaching method that is practiced to convey knowledge especially to children. High Level Thinking Skills or HOTS is the ability to apply knowledge and values in reasoning and reflection to solve problems, make decisions, innovate and be able to create something from accepted materials. This study uses qualitative research methods involving structured interview sessions, observation sessions and document review. Study data are analysed by triangulation of data aims to answer the questions and objectives of the study. The study involves 4 KEMAS preschools in the Kuala Selangor district and the respondents are 4 teachers and children of the preschools. The results of the study showed that the 'score' for the level of preparation for the implementation of the storytelling approach for HOTS is at 5-8. The HOTS element based on Taxonomy Bloom showed a 'score' (5-6) and contributed to the successful construction of HOTS skills by more than 50% compared to before the storytelling approach session was implemented. Children are more creative and active in the learning sessions where story teaching is implemented and thus, this increase their level of mastery of HOTS skills compared to before the approach is carried out. These findings further strengthen previous studies on the effectiveness of storytelling approaches in education. In conclusion, studies have proven that storytelling approach has many benefits that can facilitate HOTS skills and cognitive development of preschool children. These findings also mean that active storytelling methods can help children engage and develop their understanding better as well as foster self-confidence and open up opportunities for ongoing learning sessions. The study also suggests that training, support and assistance from various parties are needed to enable preschool teachers to better master the approach they take for educational purposes.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	7
1.3 Penyataan Masalah Kajian	14
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	19
1.6 Kepentingan Kajian	20
1.7 Skop Kajian	22
1.8 Batasan Kajian	24
1.9 Kerangka Konsep Kajian	25
1.10 Rumusan	29



**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	30
2.2 Sejarah Pendekatan Bercerita	32
2.3 Taksonami Bloom (1956) untuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	33
2.3.1 Taksonami Bloom	38
2.4 Teori Konstrutivisme di dalam Pendekatan Bercerita	41
2.4.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget	42
2.4.2 Teori Perkembangan Kognitif Vygotsky	46
2.5 Pendekatan Bercerita di dalam Proses PdPc (Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan) di Peringkat Prasekolah.	48
2.6 Pendekatan Bercerita dan Pembentukan Kemahiran KBAT	54
2.7 Kepentingan Pendekatan Bercerita kepada Kanak- Kanak Prasekolah	56
2.8 Galakan kepada Kelangsungan Kepentingan Pendekatan Bercerita	60
2.9 Pendekatan Lain yang Boleh Diintegrasikan dengan Pendekatan Bercerita untuk Membentuk Kemahiran KBAT	60
2.10 Kajian-kajian yang lepas.	66
2.11 Rumusan	68

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	69
3.2 Sampel Kajian	71
3.3 Instrumen Kajian Kualitatif	73



3.4 Reka Bentuk Kajian	74
3.5 Kaedah Temu Bual	75
3.6 Kaedah Analisis Data	76
3.6.1 Analisis Data Temu Bual	77
3.6.2 Kesahan Data Temu Bual	80
3.6.3 Data Pemerhatian	81
3.6.4 Data Dokumen	84
3.6.4.1 Analisis Data	85
3.6.5 Triangulasi Data Kajian	87
3.7 Prosedur Kajian	89
3.8 Rumusan	90

4.1 Pendahuluan	91
4.1.1 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Kaitannya dengan Pendekatan Bercerita di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)	94
4.1.2 Kanak-Kanak Membina Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Bercerita	95
4.2 Bagaimanakah Pelaksanaan Pendekatan Bercerita untuk Membina Kemahiran KBAT di Lakukan oleh Guru Prasekolah di dalam Kelas?	97
4.3 Bagaimanakah Elemen-Elemen KBAT di Lakukan di dalam Pendekatan Bercerita untuk Membina Kemahiran KBAT Kanak-Kanak Prasekolah?	105
4.4 Bagaimanakah Respons Kanak-Kanak Prasekolah Terhadap Aktiviti- Aktiviti yang Dijalankan Berpandukan Pendekatan Bercerita yang Membina Kemahiran KBAT?	108

4.5 Bagaimanakah Penguasaan Kemahiran KBAT yang Telah Diperolehi Melalui Pendekatan Bercerita yang Telah Dijalankan di dalam Kelas Prasekolah?	110
4.6 Bagaimanakah Halangan, Pandangan Serta Cabaran yang Dihadapi oleh Pendidik Prasekolah Terhadap Penggunaan Pendekatan Bercerita untuk Membina Kemahiran KBAT di Peringkat Prasekolah?	116
4.7 Rumusan	119

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	120
5.2 Ringkasan Kajian	121
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	122
5.3.1 Objektif Kajian 1: Mengkaji Pelaksanaan Pendekatan Bercerita untuk Membina Kemahiran KBAT di Kelas Prasekolah	126
5.3.2 Objektif Kajian 2: Mengkaji Elemen-Elemen KBAT yang Dilakukan di dalam Pendekatan Bercerita untuk Membina Kemahiran KBAT Kanak-Kanak Prasekolah	129
5.3.3 Objektif Kajian 3: Mengkaji Respons Kanak-Kanak Prasekolah Terhadap Aktiviti- Aktiviti yang Dijalankan Berpandukan Pendekatan Bercerita yang Membina Kemahiran KBAT Tersebut	130
5.3.4 Objektif Kajian 4: Mengkaji Penguasaan Kemahiran KBAT yang Telah Diperolehi Melalui Pendekatan Bercerita yang Telah Dijalankan di dalam Kelas Prasekolah	131
5.3.5 Objektif Kajian 5: Mengkaji Halangan, Pandangan Serta Cabaran yang Dihadapi oleh Pendidik Prasekolah Terhadap Penggunaan Pendekatan Bercerita untuk Membina Kemahiran KBAT di Peringkat Prasekolah	131
5.4 Implikasi Dapatan Kajian	133

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

134

RUJUKAN

136

LAMPIRAN

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Elemen-elemen yang dimanfaatkan untuk pendekatan bercerita yang efektif	49
3.1	Faktor yang perlu dilakukan oleh guru prasekolah untuk melakukan aktiviti bercerita	78
3.2	Tahap Kemahiran Berfikir dan KBAT kanak-kanak prasekolah	84
3.3	Kaedah Analisis Data Menurut Persoalan Kajian	86
4.1	Profil latar belakang kelulusan akademik dan pengalaman mengajar responden kajian	93
4.2	Persediaan Awal Guru Prasekolah Untuk Pendekatan Bercerita	98
4.3	Tahap Kemahiran Berfikir dan KBAT kanak-kanak prasekolah	107
4.4	Tahap Penguasaan Kanak-Kanak Prasekolah 1	113
4.5	Tahap Penguasaan Kanak-Kanak Prasekolah 2	114
4.6	Tahap Penguasaan Kanak-Kanak Prasekolah 3	115
4.7	Tahap Penguasaan Kanak-Kanak Prasekolah 4	116





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian mengenai hubungan di antara pendekatan bercerita dan kemahiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi berpandukan hasil bahan bacaan yang dibaca oleh pengkaji	25
2.1	Taksonami Bloom untuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	40
3.1	Jadual Taksonami Bloom (Edisi Semakan)	84



SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH

Definisi Istilah /Operasional

1. Pendekatan menurut maksud yang terdapat di dalam kajian mengenai pendidikan adalah kaedah untuk bertujuan pengajaran dan pembelajaran (Malaysia Education Blueprint, 2013) dan Kamus Dewan Edisi Keempat makna pendekatan adalah difahami sebagai satu langkah yang diambil untuk melaksanakan usaha atau tugas.
2. Bercerita menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah mengisahkan sesuatu cerita, bercakap atau berbual.
3. Membina menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua adalah bermaksud mengusahakan supaya maju dan menjadi lebih baik atau memperbaiki.
4. Kanak-kanak Prasekolah adalah kanak-kanak yang melalui peringkat pendidikan sebelum memasuki sekolah formal di dalam konteks kajian ini melibatkan kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun.
5. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menurut KSPK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010) adalah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.
6. KBAT menurut KSPK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010) adalah merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.
7. Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. Kemahiran berfikir kreatif pula adalah merupakan kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu bahan yang bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir menurut kelaziman (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).
8. KBAT juga adalah merupakan satu daripada aspek yang terdapat dalam domain kognitif di dalam Taksonomi Anderson Bloom yang menghuraikan aspek pengetahuan dan kemahiran berfikir iaitu bagaimana pengetahuan itu harus dikuasai oleh pelajar.
9. PdPc bermaksud kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan.
10. Kurikulum menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah serta senarai kesemua mata pelajaran (kursus pengajian) di sekolah dan lain-lain.

11. KSPK bermaksud Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan bagi kajian ini panduan KSPK adalah KSPK semakan tahun 2017.
12. Program PERMATA adalah satu program asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2007.
13. STEM adalah singkatan kepada bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.
14. Tahap KBAT menurut KSPK adalah melibatkan 4 tahap iaitu Aplikasi, Menganalisis, Menilai dan Mencipta.

Mengaplikasikan bermaksud menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara

Menganalisis bermaksud mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait dengan bahagian berkenaan.

Menilai bermaksud membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman kemahiran dan menilai serta justifikasi.

Mencipta adalah menghasilkan idea atau produk atau kaedah kreatif dan inovatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).

15. Domain Kognitif Taksonomi Anderson Bloom adalah taksonomi untuk pendidikan adalah merupakan penambahbaikan kepada Taksonomi Bloom yang melibatkan perubahan kepada domain kognitif melibatkan tiga aras pertama (terendah) adalah Lower Thinking Order dan tiga aras atas (tertinggi) adalah Higher Thinking Order atau KBAT. Gambarajah Taksonomi Bloom:

Taksonomi Bloom	Perbaikan Taksonomi Bloom
Pengetahuan	Mengingat
Pemahaman	Memahami
Penerapan	Menerapkan
Analisis	Menganalisis
Sintesis	Menilai
Penilaian	Menciptakan



SENARAI LAMPIRAN

- A Contoh Soalan Temubual
- B Jadual Pemerhatian
- C Contoh Rancangan Pengajaran dan Pencapaian yang dijangka
- D Tanskrip Temu Bual
- E Kod Semak Pemerhatian
- F Surat-Menyurat Berkenaan Perjalanan Kajian



BAB 1

PENDAHULUAN

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi adalah merupakan kemahiran berfikir cara baru yang lebih praktikal dan merupakan peningkatan kepada pemikiran kreatif dan kritis yang telah diperkenalkan sebelum ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Pendekatan bercerita pula adalah merupakan satu teknik atau kaedah yang digunakan sebagai satu ‘alat’ atau ‘penghubung’ untuk melaksanakan kemahiran KBAT dikalangan kanak-kanak prasekolah. Pelaksanaan pendekatan bercerita adalah berfungsi sebagai kaedah yang berupaya menjadi penyampai maklumat kepada kanak-kanak prasekolah dengan cara yang holistik dan mesra kepada perkembangan mental kanak-kanak. Pendekatan bercerita sebenarnya, telah lama digunakan semenjak bermulanya sistem pendidikan di dunia ini sama ada secara formal ataupun tidak formal (Ryan & Schatt, 2014). Penyampaian maklumat dan pengetahuan melalui pendekatan bercerita telah lama



dilakukan melalui secara langsung dan tidak langsung. Pendekatan ini amat digemari oleh kanak-kanak prasekolah kerana pendekatan ini menyeronokkan, mesra dan dapat diterima dengan mudah.

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kajian yang telah dijalankan pada tahun 2013 dan telah dinyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Malaysia Education Blueprint, 2013), hasil laporan kajian ini telah mensasarkan perkembangan dan kualiti pendidikan kita dapat dipertingkatkan di dalam tempoh masa 13 tahun bermula dari tahun 2013 hingga ke 2023 dengan menambahbaik situasi pendidikan agar sama standard dengan negara maju yang lain. Berdasarkan pelan transformasi pendidikan ini pelbagai langkah telah dirancang oleh pihak kementerian dan para pendidik agar dapat membentuk kualiti pendidikan yang bermutu bermula daripada peringkat prasekolah hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Pelan yang dirancang ini adalah merupakan pelan yang mempunyai kandungan dan konsep yang menyeluruh untuk meningkatkan status pendidikan dan situasi ini boleh dilaksanakan dengan penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di dalam pendidikan.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga berharap dengan pelan yang terancang untuk melakukan penyerapan secara eksplisit Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di dalam sistem pendidikan secara meluas dapat membantu melonjakkan taraf pendidikan Malaysia untuk berada di dalam tiga kelompok teratas di dalam pentaksiran antarabangsa.





Penggunaan konsep ataupun kaedah pendekatan bercerita untuk membantu proses membina Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di kalangan kanak-kanak prasekolah adalah menepati saranan yang terdapat di dalam konsep pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau KBAT adalah kemahiran yang perlu dipertekankan dan disampaikan bermula daripada peringkat prasekolah ke peringkat seterusnya secara eksplisit dan berterusan, ini kerana medium prasekolah adalah merupakan asas penting di dalam kesinambungan pembelajaran berterusan untuk kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, pendidik atau guru prasekolah berupaya menjadikan pendekatan bercerita sebagai satu langkah akademik untuk menterjemahkan ilmu dengan lebih berkesan kepada kanak-kanak di prasekolah (Nur Athirah Ariffin & Faridah Yunus, 2017).



Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) seperti yang telah ramai maklum adalah merupakan teknik pemikiran baru yang dievolasakan daripada teknik pemikiran yang sebelumnya iaitu kreatif dan kritis. Konsep pemikiran KBAT adalah lebih bersifat holistik berbanding pemikiran kreatif dan kritis dan kemahiran KBAT juga menggalakkan kepada kebolehjadian kanak-kanak atau pelajar yang lebih menyeluruh meliputi seluruh aspek penguasaan ilmu pengetahuan. Kemahiran KBAT juga berupaya melatih kanak-kanak atau pelajar dengan penguasaan yang maksimum di dalam bidang kuasa kemahiran menilai, mengaplikasi, menganalisis dan mencipta. Sehubungan dengan itu, Kurikulum Pendidikan Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah membuat semakan khusus berdasarkan keperluan ini dan melaksanakan penerapan KBAT secara eksplisit di dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di peringkat prasekolah.





Pendekatan bercerita telah dipilih di dalam kajian ini sebagai satu pendekatan yang sesuai adalah kerana telah terbukti daripada beberapa kajian yang lepas mengenai pendekatan bercerita yang menyatakan keberkesanannya di dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan. Pendekatan bercerita telah banyak membantu kanak-kanak dalam menangani penguasaan kemahiran berbahasa dan berupaya menjadi satu kaedah yang menggalakkan interaksi dengan kanak-kanak dengan memberi medium pengetahuan secara lebih menyeluruh. Pendekatan ini juga menjadikan pengajar atau guru prasekolah sebagai agen pelaksana yang memainkan peranan sebagai mentor untuk membantu kanak-kanak membina kemahiran KBAT melalui penguasaan dan kemahiran mereka menjalankan pendekatan bercerita dengan pengolahan yang sesuai semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas prasekolah.



merupakan agen pelaksanaan kepada pendekatan bercerita. Sehubungan dengan itu mereka harus mempunyai penguasaan kemahiran bercerita yang baik untuk menerapkan kemahiran KBAT di dalam aktiviti tersebut. Menurut kajian yang dijalankan mengenai penguasaan guru prasekolah dengan pedagogi pendidikan yang telah dijalankan telah menyatakan bahawa pendidik prasekolah hendaklah peka dengan objektif pengajaran dan pembelajaran agar bersesuaian dengan perkembangan mental kanak-kanak prasekolah (Abdul Halim Masnan, 2014).

Penerapan kemahiran KBAT pada peringkat prasekolah dapat dinilai atau ditaksirkan melalui pentaksiran yang dijalankan melibatkan penilaian terhadap keupayaan dan kebolehan kanak-kanak itu untuk berfikir dan membentuk pemikiran yang berstruktur. Terdapat empat tahap yang terdapat di dalam konteks kemahiran





KBAT menurut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) iaitu penilaian kepada kebolehan kanak-kanak prasekolah untuk melaksanakan operasi mengalikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Malaysia Education Blueprint, 2013). Pentaksiran kebolehan kanak-kanak prasekolah adalah bersesuaian mengikut tahap umur, perkembangan mental dan fizikal mereka serta peningkatan kemajuan berfikir dan keputusan akhir pembelajaran yang mereka telah lakukan.

Tahap kemahiran KBAT berdasarkan konsep penilaian yang terdapat di dalam kurikulum KSPK adalah merangkumi beberapa faktor asas seperti proses mengaplikasi dan perkara ini dapat dinilai atau ditaksirkan melalui pemerhatian terhadap kebolehan kanak-kanak prasekolah tersebut menggunakan kemahiran mereka untuk menyelesaikan masalah yang diutarakan mengikut situasi yang bersesuaian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Manakala bagi proses menganalisis pula kanak-kanak prasekolah boleh dinilai dengan melihat kemampuannya mencerakinkan maklumat kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil dan memahami maklumat yang disampaikan itu dengan lebih mendalam. Mereka juga berupaya untuk membuat hubung kait di antara bahagian-bahagian kecil tersebut dengan lebih jelas. Penguasaan kemahiran KBAT dari aspek menilai pula adalah kemahiran untuk membuat keputusan dan melakukan pertimbangan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baru yang diperolehi serta mampu untuk memberikan justifikasi dan nilai yang sesuai terhadap pengetahuan tersebut. Peringkat akhir pentaksiran kemahiran KBAT di mana kanak-kanak telah menguasai setiap tahap yang telah diperlukan mereka seterusnya mempunyai kemahiran mencipta. Kemahiran mencipta ini adalah matlamat akhir penilaian kemahiran KBAT di mana kanak-kanak berkemampuan untuk menghasilkan idea yang baru, kreatif dan sejajar dengan





keperluan pendidikan semasa.

Keseluruhan elemen ini dapat dieksplorasikan melalui pendekatan bercerita dengan mudah kerana pendekatan bercerita adalah satu kaedah yang interaktif dan kreatif, berimajinasi dan mempunyai nilai unik yang tidak terdapat di dalam aktiviti lain yang dilakukan di dalam kelas prasekolah. Pendekatan bercerita ini mampu untuk membina perkembangan minda kanak-kanak prasekolah secara semulajadi kerana konsep ini mudah diterima oleh otak kanak-kanak berdasarkan kajian yang telah dijalankan mengenai perkembangan otak manusia mendapati sel-sel otak manusia mudah menerima rangsangan daripada konsep penceritaan (Richardson, 2009).

Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kaitan antara pendekatan bercerita dan penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di kalangan kanak-kanak prasekolah. Kaedah pendekatan bercerita yang diperhatikan di dalam kajian ini adalah proses bercerita yang melibatkan interaksi bersemuka pendidik prasekolah dengan kanak-kanak di dalam kelas. Proses penilaian dilakukan dengan membuat pemerhatian terhadap respons kanak-kanak tersebut ketika proses bercerita dijalankan dengan mencatatkan kemampuan mereka memberikan reaksi dan tindak balas terhadap situasi yang dipelajari dan memberikan konteks yang bermakna kepada hasil akhir matlamat pembelajaran. Kaedah ini dijalankan secara berkumpulan kerana melibatkan kepelbagaian kemahiran dan keupayaan mental dapat menjadikan situasi pembelajaran yang lebih dinamik dan menggalakkan penguasaan kanak-kanak ke tahap yang lebih optimum.





Kajian ini dijalankan adalah juga bertujuan untuk menyelidiki dan mengenalpasti kaitan antara teknik atau proses-proses yang dijalankan di dalam pendekatan bercerita yang membantu membina kemahiran KBAT dan bagaimana perkara ini mempengaruhi mental kanak-kanak untuk menguasainya. Penyelidikan ini dilakukan dengan melakukan sesi temu bual dengan beberapa orang guru prasekolah yang dipilih dan melakukan sesi pemerhatian terhadap pendekatan bercerita yang telah mereka lakukan. Keseluruhannya kajian adalah bertujuan untuk melihat keupayaan kaedah tersebut di dalam pemangkin kepada kemahiran KBAT di kalangan kanak-kanak prasekolah.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian



Setiap kanak-kanak prasekolah perlu menguasai kemahiran berfikir dan mempunyai imaginasi yang kreatif. Kemahiran ini adalah amat penting kepada kanak-kanak untuk kemenjadian mereka sebagai pelajar yang sempurna dan membantu mereka untuk mencapai keyakinan diri yang positif. Pengenalan kepada asas kemahiran ini harus dimulakan semenjak tahap prasekolah kerana melalui asas yang kukuh kanak-kanak berupaya untuk menguasai kemahiran lain dengan lebih mudah. Kemahiran KBAT adalah satu kemahiran berfikir yang berupaya membolehkan kanak-kanak menguasai bidang numberasi, literasi dan sains dengan secara bersama-sama. Kajian yang telah dijalankan di dalam transformasi pendidikan telah mendapati terdapat kegagalan kanak-kanak atau pelajar menguasai faktor literasi dan numberasi di Malaysia (Malaysia Education Blueprint, 2013).





Berdasarkan kajian yang telah dijalankan terdahulu berkenaan dengan penguasaan kanak-kanak terhadap penguasaan 3M iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira, terdapat ramai murid masih belum dapat menguasainya dengan baik. Statistik ini belum melibatkan kemahiran KBAT tetapi keputusan kajian ini menunjukkan penguasaan kanak-kanak boleh dipertingkatkan jika kanak-kanak berupaya mengeksplorasikan teknik berfikir dengan lebih berkesan (UNESCO, 2015). Kelemahan kanak-kanak menguasai kemahiran KBAT menyukarkan mereka untuk menyahut cabaran corak pembelajaran abad ke-21 dan seterusnya membuatkan keyakinan diri mereka terhadap kelangsungan pendidikan menjadi rendah. Pemerhatian ringkas yang dijalankan di peringkat prasekolah serta dengan mengambil pengalaman dari pendidik prasekolah juga telah mendapati kanak-kanak prasekolah yang ada masa kini menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan masalah mudah dengan berkesan.



Sehubungan dengan itu, adalah menjadi keutamaan dan kepentingan bagi kelangsungan pendidikan dan perkembangan mental kanak-kanak maka usaha untuk pembinaan kemahiran KBAT di kalangan mereka harus dilakukan. Pendekatan bercerita yang dijalankan dengan kaedah yang sesuai boleh membantu para pendidik prasekolah untuk membantu mereka menangani isu ini daripada berlanjutan.

Selain daripada itu, kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mendapati tahap pencapaian akademik di negara ini adalah masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negara lain di Asia Tenggara. Pencapaian dalam bidang Matematik sebagai contohnya, menurut hasil kajian pentaksiran PISA (*Program for International Student Assessment*) dan TIMSS (*Trend in International Mathematics and Study*) pada tahun 2012 telah menunjukkan Malaysia





berada pada tangga ke 57 daripada 72 buah negara yang disenaraikan dan kedudukan ini adalah amat membimbangkan bagi negara yang membangun seperti Malaysia.

Transformasi Pendidikan Nasional yang dijalankan juga telah dirangka khusus dengan pelbagai penambahbaikan dalam sistem pendidikan bermula daripada peringkat prasekolah hingga pengajian tinggi untuk membentuk dan memperkasakan kemahiran KBAT di dalam pendidikan. Langkah ini adalah satu unjuran besar yang diambil oleh pihak kementerian bagi memperbaiki prestasi akademik negara ke arah yang boleh dibanggakan sejajar dengan keperluan semasa.

Seperti yang telah sedia maklum, kemahiran KBAT adalah bukan satu perkara yang baru tetapi adalah merupakan lanjutan kepada amalan pembelajaran dan pengajaran yang telah diperkenalkan semenjak tahun 1994 yang dikenali sebagai pemikiran kreatif dan kritis. Namun biarpun telah lama diperkenalkan di dalam sistem pendidikan namun berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan mengenai topik ini masih di dapati terdapat kanak-kanak prasekolah yang belum dapat menguasai kemahiran ini dengan sepenuhnya. Situasi ini menyukarkan keadaan pembelajaran berterusan kanak-kanak tersebut ke peringkat seterusnya khususnya ke aliran persekolahan perdana. Kajian juga mendapati kanak-kanak prasekolah pada hari ini juga menghadapi kesukaran untuk memberikan respons kepada soalan biarpun soalan ringkas yang diutarakan kepada mereka. Contoh soalan ringkas itu adalah seperti 'Kenapa tali kasut awak perlu diikat dengan kemas? Mereka gagal menghuraikan soalan ini dengan tepat dan menjawab situasi tersebut dengan jelas. Situasi ini membayangkan kepada umum bahawa kanak-kanak prasekolah mengalami kesukaran untuk memberikan idea mereka disebabkan kurangnya teknik berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah mengikut konteks





yang bersesuaian. Sehubungan dengan itu, tahap pemikiran kanak-kanak harus diperkembangkan kepada kemahiran KBAT kerana tahap pemikiran kanak-kanak prasekolah pada masa ini di negara kita kebanyakannya masih berada pada aras bawah dan bukannya tahap tinggi seperti yang diharapkan.

Pengaplikasian dan pengintegrasian pengetahuan STEM di dalam kurikulum pendidikan prasekolah pada masa kini juga memerlukan kanak-kanak menguasai kemahiran KBAT dengan baik (Mazlini Adnan et al., 2016). Pengetahuan STEM adalah meliputi pengetahuan kepada bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Penerapan STEM memerlukan kanak-kanak menguasai kemahiran KBAT bagi membolehkan mereka mengintegrasikan pengetahuan daripada keempat-empat bidang tersebut dengan kehidupan sebenar. Hasil daripada pengintegrasian ilmu dan pengetahuan yang mereka perolehi ini dengan dibantu dengan kemahiran KBAT mereka dapat menjadikan hasil pembelajaran tersebut kepada hasil yang lebih bermakna dan berguna. Situasi ini juga ditambah dengan keperluan pendidikan semasa pada masa kini iaitu pengenalan kelas pembelajaran abad ke-21 yang memerlukan kanak-kanak prasekolah untuk lebih matang daripada segi corak pemikiran kerana sistem pembelajaran ini adalah lebih cepat dan aktif. Kanak-kanak prasekolah yang gagal atau kurang menguasai kemahiran KBAT akan menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk menerima pengetahuan dan boleh menyebabkan keciciran ilmu di masa hadapan.

Konsep pembelajaran abad ke-21 yang diperkenalkan kepada sistem prasekolah pada masa kini juga boleh diterapkan dengan lebih baik sekiranya penguasaan kemahiran KBAT dikalangan kanak-kanak berada dalam keadaan yang sempurna. Seajar dengan keperluan ini, pendekatan bercerita adalah merupakan kaedah yang tepat





kerana melalui pendekatan ini kanak-kanak boleh terlibat secara aktif dan boleh diintegrasikan dengan pelbagai kemajuan teknologi semasa bagi membolehkan proses pembelajaran dan pengajaran menjadi lebih menarik dan bermanfaat.

Kemahiran KBAT ini dapat ditaksiran melalui penilaian yang dijalankan oleh pendidik prasekolah kepadakanak-kanak prasekolah apabila mereka telah berada di akhir sesi pembelajaran mereka di dalam kelas atau di setiap kali sesi pembelajaran dan pengajaran berakhir. Kanak-kanak prasekolah yang dilihat telah berupaya untuk mengaplikasikan pengetahuannya secara tersusun dan dapat melatih kemahiran tersebut dengan memberikan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi yang bersesuaian bermakna mereka telah berjaya menguasai kemahiran KBAT. Mereka juga mampu membuat keputusan dan berupaya mencipta sesuatu daripada maklumat tersebut kepada sesuatu perkara yang lain dan berguna kepada mereka (Nur Athirah Ariffin & Faridah Yunus, 2017).

Sehubungan dengan itu, seperti yang telah termaktub di dalam KSPK atau Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan semakan semula pada tahun 2017, adalah menjadi matlamat pendidikan prasekolah untuk memperkasakan sistem pendidikan prasekolah ke tahap yang lebih holistik sebagai kesinambungan daripada pendidikan yang telah kanak-kanak perolehi semasa berada di peringkat taska dan sesuai dengan perkembangan mental mereka. Matlamat unik kurikulum prasekolah ini adalah untuk melahirkan modal insan yang cemerlang daripada segi pemikiran, sahsiah dan inovatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).





Penekanan lain yang terdapat di dalam kurikulum ini adalah seperti melihat peningkatan kepada kadar perkembangan sosio emosi, fizikal, kognitif dan sahsiah kanak-kanak. Semua kriteria ini dapat diperkukuhkan dengan lebih mantap dengan pendekatan bercerita kerana aktiviti yang melibatkan penceritaan akan dapat membuka minda kanak-kanak prasekolah dengan lebih luas dan membuatkan mereka lebih fokus untuk menerima medium pembelajaran lanjut yang telah dirancang. Seterusnya dengan pendekatan bercerita juga menyediakan kanak-kanak prasekolah dengan situasi yang menggalakkan kepada perkembangan mental yang lebih berkesan berbanding kaedah lain kerana pendekatan ini mengandungi pelbagai elemen yang disampaikan secara bersama secara tidak langsung. Elemen bersama yang disampaikan secara tidak langsung melalui pendekatan bercerita adalah sebagai contoh pengetahuan, emosi, adat dan nasihat (Bloome & Kim, 2016).



Makna perkataan pendekatan menurut kajian-kajian sebelum ini dan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat adalah dapat difahami sebagai satu langkah yang diambil untuk melaksanakan sesuatu usaha atau tugas. Bercerita pula adalah secara dasarnya adalah proses penyampaian cerita. Malah menurut maksud yang terdapat di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat bercerita bermakna aktiviti mengisahkan sesuatu cerita, bercakap, berbual dan menyatakan isi hati secara langsung. Sehubungan dengan itu, berdasarkan maksud dua frasa tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa pendekatan bercerita adalah sebagai salah satu pendekatan yang amat bersifat personal dan proses ini melibatkan interaksi secara langsung di antara kanak-kanak prasekolah dan guru prasekolah. Malah aktiviti ini uga sangat disukai oleh kanak-kanak prasekolah kerana mereka gemar mendengar serta berimajinasi. Melalui pendekatan bercerita kanak-kanak prasekolah dapat dilatih dengan kemahiran berfikir





serta dapat melatih kemahiran mereka bercakap dan mendengar dengan lebih baik. Selain daripada itu, pendekatan bercerita juga membenarkan proses imaginasi berlaku dengan bebas dengan menggalakkan penglibatan kanak-kanak secara aktif di dalam pembelajaran.

Teknik bercerita yang pendidik prasekolah amalkan semasa aktiviti bercerita juga memainkan peranan kepada penguasaan kemahiran berfikir kanak-kanak. Kebanyakan pendidik prasekolah pada hari ini didapati mempunyai kesukaran untuk mengutarakan soalan, melakukan interaksi dan menyediakan aktiviti lanjutan yang bersesuaian untuk meningkatkan perkembangan mental murid mereka. Masalah kesukaran ini harus diperbaiki kerana langkah-langkah tersebut adalah merupakan faktor penting di dalam memupuk kesinambungan budaya pemikiran pada kanak-kanak prasekolah. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan juga adalah untuk membantu mengukur sejauh mana pendekatan bercerita ini dapat digunakan oleh pendidik prasekolah untuk memperbaiki kekurangan tersebut bagi membantu membina dan menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di kalangan kanak-kanak dan membolehkan kanak-kanak prasekolah itu menguasai kemahiran KBAT ini dengan sempurna.

Masalah yang timbul mengenai pembinaan kemahiran KBAT ini perlu dikaji dan dieksplorasikan secara meluas kerana kemahiran KBAT ini sangat penting untuk pendidikan abad ke-21. Pemilihan pendekatan bercerita untuk mentaksirkan atau membina kemahiran KBAT juga adalah satu langkah bijak kerana bercerita adalah aktiviti yang sangat mesra dan disukai oleh kanak-kanak. Aktiviti ini meningkatkan daya imaginasi, budaya berfikir dan membenarkan mereka menyuarakan pendapat yang





bebas tanpa halangan. Semua faktor positif ini dapat dilaksanakan dengan bimbingan yang sesuai dari pendidik atau guru prasekolah. Melalui bimbingan proses yang sesuai mereka iaitu kanak-kanak prasekolah akan dapat menguasai kemahiran KBAT ini dengan sempurna.

Kepentingan kemahiran KBAT kepada kanak-kanak prasekolah adalah untuk membantu mereka untuk membuat keputusan, berimajinasi, kreatif dan berinovasi dan membolehkan mereka untuk merentasi semua aspek pendidikan termasuk kemahiran berbahasa, sahsiah, pengetahuan matematik dan sains serta lain-lain lagi. Kanak-kanak prasekolah yang menguasai kemahiran KBAT mampu berpandangan jauh dan bijak membuat penilaian terhadap kehidupan mereka.



1.3 Penyataan Masalah Kajian

Seperti yang telah sedia maklum, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) adalah merupakan peningkatan kepada teknik pemikiran kreatif atau kritis iaitu kemahiran berfikir yang telah melalui frasa kreativiti (Barry, 2002). Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah membuat semakan semula Kurikulum Standard Pendidikan Prasekolah (KSPK) dan memasukkan kemahiran ini secara eksplisit agar dapat memenuhi dasar Pelan Pendidikan dan Pembangunan Malaysia 2013- 2035. Kurikulum yang telah disemak ini dijangka berupaya bagi menaikkan standard pengajaran dan pembelajaran di peringkat prasekolah agar setaraf dengan keperluan semasa dan antarabangsa (Malaysia Education Blueprint, 2013).





Sehubungan dengan itu, saya sebagai pengkaji ingin menyelidiki dan mengeksplorasi lagi pendekatan bercerita yang dilakukan oleh pendidik prasekolah untuk bertujuan menerapkan, memupuk atau membina kemahiran KBAT kepada kanak-kanak prasekolah. Kajian ini akan menumpukan kepada pendekatan bercerita yang dilakukan oleh pendidik prasekolah semasa di dalam kelas dan mengkaji sejauh mana teknik atau proses ini dapat membentuk membina Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dengan lebih berkesan.

Sebagai pengkaji, kajian ini dilakukan adalah berdasarkan pemerhatian dan kajian terdahulu pengkaji mengenai topik ini. Kajian juga telah mendapati masalah penerapan kemahiran KBAT adalah sukar dilakukan kerana pendidik prasekolah tidak memahami proses yang sesuai untuk mereka menerapkan kemahiran ini di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Berdasarkan situasi tersebut, pengkaji mendapati kesukaran ini telah menyebabkan satu halangan besar kepada mereka untuk menyampaikan kemahiran KBAT ini kepada anak didik di bawah pemerhatian mereka. Ini adalah kerana kebanyakan pendidik prasekolah juga kurang memahami konsep kemahiran KBAT dan kekurangan ini ditambah dengan faktor gaya pengajaran yang mereka lama atau tradisional membuatkan aktiviti bercerita menjadi satu proses yang merugikan dan membosankan kanak-kanak. Gaya bercerita yang menjadi kebiasaan pendidik prasekolah adalah masih di tahap tradisional dan ini memerlukan intervensi bagi menggalakkan kemahiran berfikir ini dapat disampaikan dan difahami dengan sempurna.





Selain daripada itu, pengkaji juga mendapati kebanyakan kajian kemahiran KBAT pada masa kini adalah lebih tertumpu kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang melibatkan pendidikan pada peringkat formal, tetapi kita harus sedar bahawa kemahiran KBAT bukan hanya bermula pada peringkat sekolah rendah tetapi harus dimulakan pada peringkat prasekolah lagi. Semakin awal penerapan kemahiran KBAT ini didedahkan semakin mudah kanak-kanak ini untuk membiasakan dan menerima konsep ini di dalam gaya pembelajaran mereka. Kemahiran KBAT pada peringkat prasekolah adalah unik kerana pengadaptasiannya juga harus merentasi semua aspek pembelajaran serta berlandaskan kepada enam tunjang utama yang terdapat di dalam kurikulum KSPK. Langkah ini penting bagi membolehkan kanak-kanak prasekolah dapat menguasai semua tunjang tersebut dengan baik dan menterjemahkan maksud tunjang tersebut dengan lebih bermakna.



Aktiviti bercerita dipilih kerana kaedah ini sesuai dan kerana digemari oleh kanak-kanak prasekolah serta matlamat pembelajarannya boleh melibatkan semua medium pembelajaran lain seperti matematik, sains, budaya dengan membenarkan unsur kreativiti dapat dilaksanakan dengan lebih terancang secara holistik. Aktiviti bercerita adalah satu aktiviti yang melibatkan hampir keseluruhan konsep pengajaran iaitu melibatkan kreativiti, pendengaran, emosi, sosial dan penaakulan. Sehubungan dengan itu, sebagai pengkaji, saya akan mengkaji pendekatan bercerita yang digunakan oleh pendidik prasekolah dengan membuat pemerhatian terhadap cara yang mereka laksanakan semasa aktiviti bercerita di dalam kelas untuk sebagai salah satu aktiviti PdPc mereka. Kajian ini diterjemahkan dengan melakukan sesi temu bual dan pemerhatian terhadap sesi bercerita yang dilaksanakan oleh empat orang pendidik prasekolah dari Tadika Kemas dari Daerah Kuala Selangor.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pendekatan bercerita yang dilaksanakan oleh empat orang pendidik prasekolah yang didapati dapat membantu membina dan meningkatkan kemahiran KBAT di kalangan anak didik mereka. Pecahan-pecahan kepada objektif kajian adalah seperti berikut.

Objektif Kajian 1:

Mengkaji pelaksanaan pendekatan bercerita untuk membina kemahiran KBAT

Objektif Kajian 2:

Mengkaji elemen-elemen KBAT yang dilakukan di dalam pendekatan bercerita untuk membina kemahiran KBAT kanak-kanak prasekolah.

Objektif Kajian 3:

Mengkaji respons kanak-kanak prasekolah terhadap aktiviti- aktiviti yang dijalankan berpandukan pendekatan bercerita yang membina kemahiran KBAT tersebut.

Objektif Kajian 4:

Mengkaji penguasaan kemahiran KBAT yang telah diperolehi melalui pendekatan bercerita yang telah dijalankan di dalam kelas prasekolah.



Objektif Kajian 5:

Mengkaji halangan, pandangan serta cabaran yang dihadapi oleh pendidik prasekolah terhadap penggunaan pendekatan bercerita untuk membina kemahiran KBAT di peringkat prasekolah.

Semoga dengan merungkaikan semua objektif kajian tersebut dapat membantu usaha pengkaji untuk menjadikan kualiti prasekolah pada hari ini bertambah baik dan mencapai status yang diharapkan iaitu kanak-kanak yang berkebolehan untuk menguasai kemahiran KBAT yang baik dan mampu menyediakan corak pemikiran mereka untuk tahap pembelajaran yang lebih tinggi kelak.

Seperti mana yang diketahui, kebelakangan ini banyak kajian yang dijalankan berkenaan dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, tetapi tumpuan kajian banyak diberikan pada murid di dalam arus perdana dan pendidikan tinggi sahaja, pengkaji mendapati terdapat kurang perhatian pengkaji sebelum ini terhadap tahap prasekolah. Sehubungan dengan itu, pada kajian ini pengkaji lebih memfokuskan kepada kepentingannya kemahiran KBAT untuk kanak-kanak prasekolah. Fokus utama kajian ini adalah mencari hubungan di antara pendekatan bercerita dan kaitannya dengan kemahiran KBAT kanak-kanak prasekolah. Kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif melibatkan kaedah temu bual dan pemerhatian yang melibatkan empat orang pendidik prasekolah di empat prasekolah yang berbeza. Soalan eksplorasi kajian adalah tertumpu kepada proses-proses yang dilaksanakan oleh 4 orang guru prasekolah tersebut semasa aktiviti bercerita yang didapati dapat membantu meningkatkan kemahiran KBAT di kalangan anak didik mereka.





Sebagai tambahan, sebagai pengkaji saya juga akan membuat pemerhatian terhadap aktiviti bercerita yang telah dilakukan di dalam kelas berpandukan lampiran pemerhatian (lampiran kajian). Kajian ini akan memfokuskan kepada pendekatan bercerita dan penyampaian teknik bercerita kepada kanak-kanak prasekolah. Selain dari itu, sesi temu bual dan pemerhatian ini adalah untuk membantu menghuraikan pembinaan KBAT dan situasi bercerita telah dijalankan dan pengaruhnya untuk menggalakkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dapat dilaksanakan dengan sempurna. Langkah-langkah ini akan membantu kita untuk meneroka dengan lebih jelas proses-proses yang telah guru prasekolah amalkan untuk membudayakan kemahiran KBAT dikalangan kanak-kanak prasekolah. Penerangan tentang kekuatan-kekuatan yang membantu mereka untuk membentuk proses-proses tersebut, dan mengenal pasti bahawa proses-proses tersebut dapat membantu membentuk dan membina kemahiran KBAT pada anak didik mereka di dalam kelas.



1.5 Persoalan Kajian

Berikut adalah persoalan kajian yang menjadi pusat pada kepada kajian pengkaji di dalam menjalankan kajian ini. Terdapat lima persoalan kajian berdasarkan lima objektif kajian yang telah dilandaskan sebelum ini. Persoalan kajian untuk kajian ini adalah seperti berikut :

Persoalan Kajian 1:

Bagaimanakah pelaksanaan pendekatan bercerita untuk membina kemahiran KBAT dilakukan oleh guru prasekolah di dalam kelas?



Persoalan Kajian 2:

Bagaimanakah elemen-elemen KBAT di lakukan di dalam pendekatan bercerita untuk membina kemahiran KBAT kanak-kanak prasekolah?

Persoalan Kajian 3:

Bagaimanakah respons kanak-kanak prasekolah terhadap aktiviti- aktiviti yang dijalankan berpandukan pendekatan bercerita yang membina kemahiran KBAT?

Persoalan Kajian 4:

Bagaimanakah penguasaan kemahiran KBAT yang telah diperolehi melalui pendekatan bercerita yang telah dijalankan di dalam kelas prasekolah?

Persoalan Kajian 5:

Bagaimanakah halangan, pandangan serta cabaran yang dihadapi oleh pendidik prasekolah terhadap penggunaan pendekatan bercerita untuk membina kemahiran KBAT di peringkat prasekolah?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai rujukan dan manfaat kepada pihak-pihak yang memerlukannya. Sasaran utama kajian ini adalah supaya dapat menjadi panduan kepada ibu bapa kanak-kanak prasekolah untuk membuat keputusan terhadap sistem prasekolah yang terbaik untuk mendukung perkembangan anak mereka. Selain daripada itu pengkaji juga berharap kajian ini dapat membantu para guru atau pendidik



prasekolah, pihak pentadbir dan Kementerian Pendidikan Malaysia serta penyelidik lain yang berminat untuk memahami dan mengkaji mengenai pendekatan bercerita dan kemahiran KBAT atau keberkesanan pendekatan bercerita dan kaitannya terhadap pelaksanaan atau membina kemahiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di peringkat prasekolah.

Secara tidak langsung, pengkaji juga berharap dengan kajian ini ibu bapa dan penjaga pada masa kini akan mengubah persepsi mereka terhadap mutu pendidikan dan pengetahuan yang ada dan menilai program yang ditawarkan untuk peringkat pendidikan prasekolah. Ini kerana pengkaji mendapati kebanyakan ibu bapa lebih tertumpu pada kemahiran membaca dan mengira berbanding kemahiran lain yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak. Mereka juga tidak menyedari bahawa keperluan pendidikan pada hari ini telah berubah dan kepentingan kemahiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ini adalah penting di dalam proses perkembangan anak mereka. Mereka juga harus sedar bahawa Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ini mampu untuk membantu membentuk pemikiran kritis seseorang individu tersebut terutamanya kanak-kanak dan membolehkan seseorang individu itu untuk membuat keputusan yang tepat serta menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan pada masa akan datang.

Kajian ini juga dapat diharapkan dapat membantu guru prasekolah atau pendidik lain untuk mengenal pasti tahap penguasaan dan kefahaman Kemahiran Berfikir Aras Tinggi pelajar atau kanak-kanak didikan mereka dan menilai kembali corak penyampaian konsep atau pendekatan bercerita ini di dalam kelas. Berpandukan pada hasil kajian ini diharapkan pengajaran guru atau pendidik prasekolah akan menjadi lebih bermakna dan berkesan serta dapat disesuaikan dengan kadar perkembangan kanak-



kanak.

Dapatan kajian ini juga dapat memberi gambaran kasar mengenai tahap pembinaan kemahiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan penguasaannya melalui penggunaan pendekatan bercerita di kalangan kanak-kanak prasekolah. Sehubungan dengan itu, diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu pihak terlibat untuk menggandakan usaha untuk membantu pihak pendidik bagi menjadi pengajar yang lebih baik bagi menyampaikan kemahiran berfikir ini dengan lebih berkesan kepada kanak-kanak prasekolah khususnya melalui pendekatan bercerita.

Kajian mengenai pendekatan bercerita dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ini di dalam kurikulum prasekolah juga masih berkurangan. Oleh itu sebagai pengkaji saya berharap dapatan kajian ini dapat memberi gambaran dan maklumat yang boleh dijadikan sebagai asas bagi kajian lanjutan terhadap topik ini.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah seperti berikut, responden kajian ini hanya melibatkan empat orang pendidik prasekolah KEMAS yang mengajar kanak-kanak daripada umur 5-6 tahun. Skop kajian ini adalah terbahagi kepada beberapa butir seperti di berikut:



- i) Responden kajian ini hanya melibatkan empat orang pendidik prasekolah KEMAS.
- ii) Pusat prasekolah yang dipilih adalah berdasarkan beberapa kriteria berikut iaitu:
 - Prasekolah tersebut mempunyai sekurang-kurangnya lebih daripada 15 orang pelajar.
 - 4 orang guru prasekolah tersebut adalah guru yang terlatih dan berpengalaman mengajar lebih daripada 5 tahun.
 - Prasekolah tersebut menggunakan kurikulum Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Malaysia semakan 2017 dan melakukan aktiviti bercerita sebagai salah satu cara pembelajaran.



sampel ini adalah merujuk kepada bentuk kaedah yang dipilih iaitu kaedah kualitatif yang memerlukan kajian yang teliti dan tidak memerlukan responden yang banyak tetapi dapat memberikan maklumat yang berkualiti (Merriam, 1998).Empat buah prasekolah telah dipilih bagi membolehkan pengkaji meneliti dengan lebih mendalam masalah kajian.





1.8 Batasan Kajian


Batasan kajian ini adalah seperti berikut. Batasan pertama ialah sampel kajian ini melibatkan hanya empat orang guru prasekolah KEMAS yang terdapat di daerah Kuala Selangor. Pemilihan guru prasekolah ini dilakukan secara rawak mengikut kebenaran daripada pihak pejabat Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Faktor persepsi atau kejujuran pihak responden kajian ini untuk menjawab soalan temu bual secara terbuka adalah direkodkan menggunakan video kemudiannya hasil temubual ini ditranskripkan untuk memudahkan proses menganalisis data dilakukan.

Seterusnya, pengkaji melakukan pemerhatian terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas dengan berpandukan kepada borang pemerhatian atau senarai semak yang disediakan untuk memerhatikan proses yang dilaksanakan oleh pendidik prasekolah semasa aktiviti bercerita untuk melahirkan dan membina kemahiran KBAT pada kanak-kanak prasekolah. Pemerhatian ini dilakukan dengan melihat faktor seperti jenis, gaya, kaedah serta respons yang dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah tersebut terhadap pendekatan bercerita yang telah dijalankan akan dicatatkan. Sesi pemerhatian ini dijalankan selama 4 sesi dan hasil dapatan dari keempat-empat sesi pemerhatian tersebut akan direkodkan dan ditafsirkan oleh pengkaji untuk menjelaskan lagi kajian dan membantu menjawab persoalan kajian yang terdapat dalam kajian ini dengan lebih berkesan dan tepat.



1.9 Kerangka Konsep Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi membolehkan pengkaji melakukan pemerhatian terhadap pendekatan bercerita yang dijalankan oleh pendidik prasekolah ini dan melihat bagaimana pendekatan ini mampu membantu pendidik prasekolah membina Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Berdasarkan bacaan pengkaji serta dengan merujuk kepada beberapa kes kajian sebelum ini, kerangka konsep kajian telah dibentuk dan bertujuan untuk membantu menghuraikan kes ini dengan lebih jelas dan mendalam. Konsep kerangka kajian ini adalah seperti berikut:



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian mengenai hubungan di antara pendekatan bercerita dan kemahiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi berpandukan hasil bahan bacaan yang dibaca oleh pengkaji



Menurut kerangka konsep ini terdapat menunjukkan tiga faktor utama yang dapat mempengaruhi proses-proses yang dilakukan oleh pendidik prasekolah untuk meningkatkan penguasaan murid prasekolah terhadap kemahiran KBAT semasa aktiviti bercerita. Kerangka konsep ini dihasilkan adalah berpandukan kepada kajian-kajian sebelum ini yang dibaca oleh pengkaji serta di bantu oleh buku bacaan dan pengalaman peribadi pengkaji. Hipotesis pengkaji terhadap persoalan kajian adalah mendapati terdapat kurangnya pendedahan kepada tiga perkara ini boleh menyebabkan kelemahan kepada proses bercerita yang dijalankan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, melalui kajian ini fokus ditumpukan kepada proses perancangan, pelaksanaan dan penguasaan yang dilakukan oleh pendidik prasekolah semasa pendekatan bercerita yang membantu membina pembentukan kemahiran KBAT dikalangan kanak-kanak prasekolah.



Proses pertama adalah perancangan iaitu perkara pertama yang perlu dilakukan sebelum melakukan pendekatan bercerita. Perancangan ini adalah secara dasarnya melibatkan keseluruhan proses iaitu sebelum proses penceritaan ini dijalankan, semasa dan selepas pendekatan ini dijalankan. Perancangan ini harus dilaksanakan dengan teliti kerana ini adalah merupakan titik awal untuk memastikan kesinambungan pembelajaran boleh berlaku dengan lebih lancar.

Kelemahan faktor ini akan melibatkan kegagalan dan masalah berbangkit lain yang bakal timbul berdasarkan kelemahan tersebut. Langkah pertama yang perlu dititikberatkan oleh pendidik prasekolah dalam aspek perancangan adalah pendidik harus memilih cerita dan tema yang sesuai dengan kanak-kanak yang terlibat di dalam kelas tersebut. Pendidik prasekolah harus menghafal isi-isi penting cerita tersebut agar





memudahkan sesi soal jawab dijalankan. Sesi soal jawab atau kaedah penyoalan ini adalah penting untuk dilaksanakan semasa proses perjalanan pendekatan bercerita untuk membolehkan proses penyampaian dua hala dilakukan iaitu melibatkan interaksi antara guru prasekolah dan kanak-kanak secara aktif. Selain daripada itu, bantuan sokongan penggunaan bahan bantu mengajar yang efektif dan menarik bersesuaian dengan cerita tersebut juga harus disediakan bagi melancarkan dan menarik minat kanak-kanak untuk mengikuti terus mengikuti sesi bercerita yang sedang dijalankan. Kanak-kanak yang terlibat juga harus bersedia untuk menerima sesi pembelajaran dan pembelajaran di dalam suasana pembelajaran yang santai dan bersesuaian dengan perkembangan dan keperluan kanak-kanak prasekolah.

Faktor kedua adalah faktor pelaksanaan. Faktor ini melibatkan bantuan bahan bantu mengajar dan proses untuk membina kefahaman kanak-kanak terhadap pengetahuan yang ingin disampaikan. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahan bantu mengajar untuk pendekatan bercerita haruslah bersifat interaktif, menarik dan sesuai dengan cerita atau pengetahuan yang disampaikan. Penggunaan kad-kad gambar contohnya boleh digunakan untuk membolehkan kanak-kanak melihat cerita tersebut dengan lebih jelas. Ekspresi guru atau pendidik prasekolah semasa menyampaikan pendekatan bercerita ini juga adalah penting kerana pendekatan ini dilaksanakan secara bersemuka, oleh itu kanak-kanak dapat berinteraksi dan melihat dengan jelas ekspresi wajah yang dipaparkan oleh pendidik mereka. Faktor ekspresi ini membantu mereka iaitu kanak-kanak lebih menghayati cerita dan membantu mereka untuk hadir di dalam dunia penceritaan tersebut. Penggunaan suara dan emosi yang digambarkan juga haruslah seiring dengan ekspresi wajah untuk membolehkan kanak-kanak membayangkan keadaan sebenar situasi atau pengetahuan tersebut. Tahap pemfokusan





atau mengaktifkan keterlibatan kanak-kanak dapat dilakukan dengan melakukan teknik memandang kanak-kanak tersebut secara bergilir-gilir iaitu memandang muka setiap seorang kanak-kanak yang terlibat di dalam sesi penceritaan tersebut dan menarik minat mereka untuk fokus semula kepada ‘mood’ atau pengetahuan yang disampaikan. Nada suara yang digunakan atau diperdengarkan di dalam pendekatan bercerita juga memainkan peranan penting untuk menarik daya pemfokusan kanak-kanak. Suara pendidik harus jelas dan lantang serta bahasa yang mudah difahami harus digunakan sepanjang pendekatan bercerita agar mengurangkan kanak-kanak bermain dan lalai di dalam pendekatan tersebut. Melalui teknik-teknik ini, dijangka dapat melibatkan lebih ramai kanak-kanak untuk terlibat dan tahap pemfokusan mereka terhadap pendekatan bercerita yang dilakukan akan lebih meningkat.



kanak-kanak untuk kajian ini adalah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau kemahiran KBAT. Penguasaan kanak-kanak boleh dinilai melalui ujian penguasaan atau pengukuhan atau melalui sesi pengukuhan yang dijalankan selepas sesi penceritaan dijalankan atau semasa sesi penceritaan sedang dijalankan. Pendidik atau guru prasekolah harus sentiasa peka untuk menyediakan sesi soal jawab atau mengadakan soalan bimbingan untuk membolehkan kanak-kanak lebih memahami cerita yang disampaikan. Sesi soal jawab dan perbincangan harus dilaksanakan bagi membolehkan kanak-kanak bertukar-tukar pendapat dan langkah ini membolehkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi mereka dapat dibina dan dibentuk dengan lebih berkesan.





Peranan pendidik atau guru prasekolah prasekolah terhadap tiga faktor tersebut adalah untuk memantapkan segala usaha ke arah untuk melahirkan kanak-kanak yang mempunyai kebolehan berkomunikasi dan bersosialisasi dengan yakin selaras dengan keperluan kehidupan semasa. Di samping itu, melalui pendekatan kemahiran berfikir melalui aktiviti bercerita ini juga berfungsi untuk mengeluarkan kanak-kanak yang mampu menghadapi cabaran, berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah, berkeinginan untuk belajar dan bersedia untuk pembelajaran seterusnya. Kanak-kanak keluaran prasekolah ini mampu menjadi pelajar yang berupaya bersaing di peringkat yang lebih tinggi sejajar dengan kemajuan sistem pendidikan global.

1.10 Rumusan



Bab 1 kajian ini adalah memberikan gambaran ringkas dan pengenalan kepada tajuk kajian iaitu Hubungan di antara Pendekatan Bercerita dan KBAT kanak-kanak di peringkat prasekolah. Bab 2 kajian ini akan menyediakan latar belakang literatur kajian yang relevan ke dalam rangka kerja yang menjadi konsep kepada rangka kerja kajian ini. Bab 3 pula, pengkaji akan menghuraikan metodologi kajian dan instrument yang dijalankan di dalam kajian ini. Pengkaji juga akan menghuraikan proses yang terlibat sepanjang kajian seperti jenis responden kajian yang dipilih, metodologi kajian serta instrumen yang telah digunakan untuk kutipan data bagi melengkapkan dan menjawab objektif dan persoalan kajian. Manakala dalam Bab 4 pula, pengkaji akan menjelaskan hasil kajian melalui analisis data kajian yang telah diperolehi secara terperinci mengikut persoalan kajian dan di dalam Bab 5, pengkaji akan membincangkan rumusan dan implikasi kajian kepada kemajuan sistem pendidikan prasekolah di Malaysia.

